

14 MAR 1998

PRESIDEN UNGA MENGUNJUNGI DR MAHATHIR (Bergambar)

KUALA LUMPUR, 14 Mac (Bernama) -- Presiden Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNGA) Hennadiy Udovenko hari ini melakukan kunjungan hormat terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selepas bertemu dengan Perdana Menteri, beliau dijangka melawat Dewan Perniagaan dan Industri Kebangsaan (NCCI) sebelum menghadiri majlis makan tengah hari yang dianjurkan oleh Majlis Pemerintah Persatuan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Semalam, Udovenko melakukan kunjungan hormat terhadap Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim. Beliau tiba di sini, Khamis lepas bagi lawatan rasmi tiga hari.

Beliau juga bertemu dengan Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan mengadakan perbincangan mengenai pembaharuan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) atas kapasiti sebagai Menteri Luar Ukraine.

Udovenko yang berada di hari terakhir lawatan rasminya ke negara ini mengambil alih tugas sebagai presiden UNGA daripada Tan Sri Razali Ismail dari Malaysia. -- BERNAMA

HAK PRT